



MOHD SHAHAR (tengah) bersama peserta Aman Kampus Di Bawah Bayu yang mula menjelajah Sabah.

Jelajah Aman Kampus ke seluruh negeri

BH 30.08.2012 2

KOTA KINABALU: Buat julung kalinya, program jelajah Aman Kampus singgah ke Sabah dan bergerak ke seluruh negeri mulai 27 Jun hingga 10 Julai ini.

Program Aman Kampus Di Bawah Bayu (AKDBB) adalah fasa keempat dan terakhir siri jelajah yang dilancarkan Februari lalu.

Pengerusi Gagasan Aman Kampus Nasional, Mohd Shahar Abdullah, berkata 130 peserta menyertai program itu termasuk 60 penuntut institut pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta dari negeri ini serta sebilangan dari Semenanjung.

"Program 12 hari itu akan menjelajah 12 lokasi di seluruh Sabah."

"Kita mensasarkan 10,000 maklum balas daripada masyarakat setempat dan setakat malam kelmarin, kira-kira 600 respon diterima daripada masyarakat sekitar

Kota Kinabalu.

"Pelbagai program disusun sepanjang siri jelajah ini termasuk info siswa, siswa prihatin, siswa taqwa, siswa cergas, pentas anak muda, damping kampus, siswa budaya dan ikon siswa," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Persatuan Alumni Pemimpin Mahasiswa Aspirasi Sabah (ASPIRASI), Mohd Rizal Ramelin.

Bertemakan 'Anak Muda Turun Berbakti', program itu dipelopori ASPIRASI dengan dibantu 20 badan bukan kerajaan (NGO).

Antara IPT di Sabah yang menyertai program itu ialah UMS, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Yaysan Sabah (KYS), Politeknik dan Universiti Sains dan Pengurusan (MSU) Sabah.

Mohd Shahar berkata, kelab 'Kami

Sayang PM' yang dilancarkan bulan lalu turut mensasarkan pendaftaran 5,000 ahli di Sabah sempena program AKDBB.

"Seramai 458 sudah mendaftar menyertai kelab itu di Kota Kinabalu setakat malam kelmarin. Di Sarawak, kita menerima 3,824 ahli lagi dengan majoritinya masyarakat Cina manakala jumlah ahli di seluruh negara kira-kira 9,500 orang."

"Selepas Aidilfitri, kita akan mengadakan perhimpunan fasa kelima menerusi jelajah Aman Kampus di Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak dengan sasaran 16,000 peserta iaitu 10,000 di Semenanjung diikuti masing-masing 3,000 di Sabah serta Sarawak," katanya.

Maklum balas siri jelajah Aman Kampus akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.